

Perkembangan dan Kegiatan Kumpulan Bangsawan Dayak di Sarawak

Oleh

Nur Afifah Vanitha Abdullah & Nur Qasdina Jeeta Abdullah

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak

94300 Kota Samarahan

Sarawak

anafifah@faca.unimas.my & bjsitarih@faca.unimas.my

PENGENALAN

Persembahan Bangsawan terawal di Sarawak diadakan oleh kumpulan Bangsawan Malay Opera of Malacca di bawah pimpinan Wan Yet al-Kaf. Pementasan bangsawan oleh kumpulan-kumpulan dari Tanah Melayu dan Singapura telah menjadi landasan kepada penglibatan masyarakat tempatan Sarawak, terutamanya Melayu dalam teater ini dan kemudiannya menjadikan bangsawan sebahagian daripada budaya seni persembahan mereka. Namun begitu, tidak ramai yang mengetahui tentang kehadiran kumpulan bangsawan dalam kalangan masyarakat Dayak di Sarawak. Artikel ini bertujuan merakam perkembangan dan kegiatan kumpulan bangsawan Dayak pada penghujung dekad 1930-an sehingga lewat 1940-an di Sarawak dengan memberi tumpuan kepada aspek kelahiran, pementasan dan kemerosotan kegiatannya. Untuk itu, perkembangan Bangsawan di Tanah Melayu secara sepintas lalu, peranan faktor politik, ekonomi dan sosial Sarawak dalam mempengaruhi kedatangan dan perkembangan persembahan Bangsawan di Sarawak akan turut diuraikan. Artikel ini turut memperincikan aspek lakonan, extra turn, muzik dan program master dalam pementasan bangsawan Dayak. Akhir sekali, artikel ini akan mengupas faktor-faktor persekitaran yang membawa kepada kemerosotan kegiatan bangsawan Dayak di Sarawak sekitar 1940-an.

Kata kunci: bangsawan Dayak, teater, pementasan